

SOALAN NO. 383**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :

YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menangani isu Kempen Undi Rosak yang tular di laman media sosial dilihat bertentangan dengan sistem demokrasi berparlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa menasihati pengundi agar keluar mengundi dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi pada hari mengundi kelak. Semua pihak termasuk parti politik sepatutnya turut mengalakkan ahlinya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

Sekian, terima kasih.

190

SOALAN : 384

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' RAJA KAMARUL BHARIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

RUJUKAN : 10694

SOALAN :

PR-1361-T02199

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan dan kewarganegaraan warga asing yang sedang diminta oleh negara asal mereka untuk diekstradisi kepada negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia mempunyai 13 permohonan kes ekstradisi yang masih dalam tindakan pihak Kerajaan Malaysia. Negara-negara yang telah mengemukakan permohonan ekstradisi adalah:

- (i) Amerika Syarikat – 2;**
- (ii) Jordan – 1;**
- (iii) Argentina – 2;**
- (iv) India – 1;**
- (v) Nigeria – 1;**
- (vi) Thailand – 3;**
- (vii) Iran – 1;**
- (viii) Rusia – 1; dan**
- (ix) Hong Kong - 1.**